

**Kenanga Research Kekal Saranan Neutral Ke Atas Sektor Telekomunikasi
Bernama
26 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 26 Mac (Bernama) -- Kenanga Research mengekalkan saranan 'neutral' ke atas sektor telekomunikasi tahun ini, dengan Telekom Malaysia Bhd (TM), yang menerima manfaat besar industri itu, menjadi pilihan utama.

Firma penyelidikan itu berkata TM mendapat kelebihan menerusi pasaran sambungan fiber ke rumah dan persaingan yang kurang sengit dalam segmen talian tetap serta borong, dan dijangka memenangi fasa kedua projek jalur lebar kelajuan tinggi (HSSB).

Melalui HSSB, TM boleh menggunakan prospek penjimatan dalam geran kerajaan dan perbelanjaan modal untuk memberi ganjaran kepada pemegang sahamnya, katanya.

"Kalau TM mendapat projek HSSB, kerajaan dianggarkan memperuntukkan geran sebanyak 20 hingga 25 peratus atau bersamaan RM360 juta hingga RM450 juta.

"Ini mewakili 10.0-12.6 sen sesaham, jumlah yang serupa yang diterima syarikat itu pada fasa pertama projek jalur lebar terdahulu," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Sementara itu, firma penyelidikan itu menjangkakan nisbah pendapatan harga (PER) sektor itu bagi tahun kewangan 2014 (FY14) bakal berhadapan dengan tekanan menurun ekoran pembayaran dividen dan kajian kadar bebas risiko.

"Kajian kami menunjukkan bahawa PER Maxis untuk tahun kewangan 2014 akan berkurangan, namun TM dan Axiata dijangka melambung.

"Bagaimanapun, untuk DiGi, hala tuju PER pada tahun kewangan 2014 ini seolah-olah bercampur-campur," katanya.

Firma penyelidikan itu berpendapat bahawa sementara segmen data akan kekal menjadi fokus utama bagi kesemua pemberi perkhidmatan telefon selular, strategi mereka pada tahun kewangan 2014 akan tertumpu kepada kadar penembusan telefon pintar melalui telefon pintar peringkat rendah serta meluaskan liputan rangkaian.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1025030>